



KORPORASI PEMBANGUNAN DESA KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat tempatan yang mempunyai Lesen Perniagaan yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam kod bidang yang disebutkan di bawah dan yang masih dibenarkan membuat tawaran membekal perkhidmatan seperti berikut:

NO. TAWARAN	TAJUK KERJA	KOD BIDANG DAN KELAYAKAN LESEN	HARGA DOKUMEN TENDER
KPD/T/2026/11	Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Berseragam Penuh Tanpa Senjata di lokasi seperti berikut: Lokasi A: Kompleks Pemasaran KPD Tanjung Lipat. Lokasi B: Stor KPD Menggatal Lokasi C: Pejabat KPD Wilayah Pantai Barat Lok Kawi	i. PUKONSA: 220302 ii. Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN); dan iii. Lesen niaga yang masih sah.	RM50.00 (Tidak Dikembalikan) Pembayaran hendaklah dibuat secara tunai kepada "Penerima Pembayaran Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Korporasi Pembangunan Desa, Aras 2, Wisma Pertanian Sabah, Jalan Wisma Pertanian, 88300 Kota Kinabalu".
07 September 2026 (Isnin) sehingga 28 September 2026 (Isnin)			
Tarikh dan masa penjualan Dokumen Tender		Isnin - Khamis	: 8.30 pagi – 12.30 tengahari
		Jumaat	: 8.30 pagi – 11.30 pagi
Tarikh Tutup Tawaran Tender		: 28 September 2026 (Isnin), 10.00 pagi (Dokumen Tender yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan)	
Tempat Memasukkan Dokumen Tender		: Peti Tawaran, Korporasi Pembangunan Desa, Aras 2, Wisma Pertanian Sabah, Jalan Wisma Pertanian, Luyang, 88300 KOTA KINABALU.	

- 1.0 Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan tetapi penender boleh melawat tapak bagi membolehkan penender mengenalpasti bilangan anggota/persekitaran bangunan, kemudahan dan keluasan kawasan bagi tujuan penawaran harga tender. Penender boleh menghubungi Encik Bryon Bin Sinol di talian 014-9527960 untuk mendapatkan maklumat berkaitan lokasi tapak.
- 2.0 Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil yang ditauliahkan sahaja (pegawai-pegawai syarikat yang dinyatakan dalam sijil PUKONSA).
- 3.0 Dokumen-dokumen berikut yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup sebut harga adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Tender:
 - 3.1 Sijil asal PUKONSA;
 - 3.2 Salinan asal Lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN);
 - 3.3 Salinan asal Lesen Niaga; dan
 - 3.4 Salinan sijil-sijil seperti tersebut di perenggan 3.1 hingga 3.3 yang belum disahkan.
- 4.0 Pemilik sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baharu/Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:
 - 4.1 Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA; dan
 - 4.2 Resit asal pembayaran pendaftaran baharu/pembaharuan sijil.
- 5.0 Dokumen Tender boleh diperolehi semasa waktu pejabat di:

Bahagian Perolehan & Harta,
Ibu Pejabat Korporasi Pembangunan Desa,
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,
Jalan Wisma Pertanian, 88300 Kota Kinabalu.
- 6.0 Semua maklumat yang dikehendaki dalam Dokumen Tender hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas. Korporasi Pembangunan Desa berhak menolak mana-mana dokumen tender yang tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan. Korporasi Pembangunan Desa juga tidak bertanggungjawab jika maklumat yang dinyatakan tidak jelas/tidak boleh dibaca yang mana menyebabkan penender gagal mendapat tawaran. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi beserta salinan sijil-sijil/lesen dan dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tawaran di penjuru kiri sudut atas sampul surat dan dialamatkan kepada :

Setiausaha Jawatankuasa Tender
Korporasi Pembangunan Desa
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,
88300 KOTA KINABALU.

- 6.0 Korporasi Pembangunan Desa (KPD) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

**PENGURUS BESAR
KORPORASI PEMBANGUNAN DESA**